



IWNest PUBLISHER

International Journal of Administration and Governance

(ISSN 2077-4486)

Journal home page: <http://www.iwnest.com/AACE/>

Penglibatan Komuniti Dalam Pengurusan Sumber Pesisir Pantai Di Teluk Mengkabong Tuaran, Sabah

¹Suzanah Binti Etin, ²Mustapa Abd. Talip and ³Kadir Bin Jaafar

¹Suzanah Binti Etin, *Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan Ums, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.*

²Mustapa Abd. Talip, *Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan Ums, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.*

³Kadir Bin Jaafar, *Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan Ums, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.*

ARTICLE INFO

Article history:

Received 13 June 2015

Accepted 5 August 2015

Available online 12 August 2015

Keywords:

Kata Kunci: Pengurusan Sumber

Pesisir Pantai, Penglibatan Komuniti.

ABSTRACT

Penyelidikan ini membincangkan tentang peranan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai. Pada tahun 1996, projek *Integrated Coastal Zone Management (ICZM)* telah dijalankan di negeri Sabah. Kesimpulan daripada projek tersebut, kurang kesedaran dan penglibatan komuniti merupakan antara kelemahan dalam pengurusan pesisir pantai di negeri Sabah. Berdasarkan pada isu tersebut, satu objektif kajian telah digariskan dalam penyelidikan ini iaitu mengenal pasti tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai di Teluk Mengkabong. Penyelidikan ini mengaplikasikan teori Lapan Tangga Penglibatan Arnstein bagi mengklasifikasikan tahap penglibatan komuniti. Bagi mencapai objektif kajian, penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan memilih kaedah tinjauan untuk tujuan mengutip data. Data lapangan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Sciences (SPSS)* dan analisis deskriptif merupakan analisis utama dalam penyelidikan ini. Hasil penyelidikan menunjukkan, tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai di Teluk Mengkabong berada pada tahap penglibatan Manipulasi iaitu tangga pertama dalam Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Kepentingan penyelidikan ini dapat dilihat dalam aspek mengklasifikasikan tahap penglibatan berdasarkan teori Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Kesimpulannya, perlunya satu mekanisme bagi meningkatkan peranan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai dalam masa yang sama mencari potensi ekonomi lain bagi mengelakkan kebergantungan kepada sumber sedia ada di Teluk Mengkabong.

© 2015 IWNest Publisher All rights reserved.

To Cite This Article: Suzanah Binti Etin, Mustapa Abd. Talip and Kadir Bin Jaafar., Penglibatan Komuniti Dalam Pengurusan Sumber Pesisir Pantai Di Teluk Mengkabong Tuaran, Sabah. *Int. J. Adm. Gov.*, 1(8), 1-8, 2015

INTRODUCTION

1.1 Pendahuluan:

Secara umumnya, pesisir pantai merupakan kawasan pertemuan antara daratan dan lautan. Garis pertemuan antara daratan dan lautan ini kerap berubah disebabkan sifatnya yang dinamik [22]. Di bahagian darat, ia meliputi kawasan kering dan basah yang masih dipengaruhi oleh proses-proses semula jadi lautan seperti pasang surut, angin dan penyerapan air masin [7]. Di Malaysia, kawasan pesisir pantai meliputi kawasan 5km ke sebelah darat (*back shore*) dan 16.1 km nautika ke sebelah laut pada paras purata air pasang perbani (*shore front*). Kawasan-kawasan di sebelah darat termasuk sungai dan rizab air hingga ke kawasan yang masih dipengaruhi oleh air masin [11];[16]. Ia termasuklah pantai, kawasan perikanan dan taman-taman laut. Bagi kawasan laut, kawasan pantai atau ekosistem lautan yang telah ditambak sejak tahun 1957 juga masih ditakrifkan sebagai kawasan pesisir pantai [16]. Pantai merupakan ekosistem yang dinamik dan kaya dengan pelbagai sumber yang banyak memberi sumbangan kepada manusia. Bagaimanapun, isu sumber pantai merupakan isu yang hangat dibincangkan pada masa kini kerana kemerosotan kualiti dan kuantiti sumber tersebut akibat daripada ancaman fenomena semula jadi dan aktiviti manusia. Oleh itu, pengurusan yang sistematik dan seimbang perlu diwujudkan dengan mengambil kira semua peranan pihak berkepentingan termasuk komuniti pantai kerana mereka merupakan pengguna langsung kepada sumber tersebut. Pengurusan

Corresponding Author: Suzanah Binti Etin, Suzanah Binti Etin, Fakulti Kemanusiaan Seni Dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan Ums, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

sumber adalah proses bersepadu dalam pengumpulan maklumat, analisis dan perancangan, rundingan, membuat keputusan, pengagihan sumber, penggubalan serta pelaksanaan dan penguatkuasaan untuk memastikan kemapanan sumber [9].

Komuniti pesisir pantai merupakan komuniti yang tinggal berhampiran dengan pantai dan aktiviti ekonomi mereka berasaskan sumber laut [20]. Di Malaysia, penglibatan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai masih berada pada tahap yang rendah. Perkara ini telah dijelaskan oleh Nasuchon [19] yang telah membuat perbandingan penglibatan komuniti dalam pengurusan sumber pantai di negara-negara Asia Tenggara seperti Thailand, Vietnam, Malaysia dan Kemboja. Beliau turut menjelaskan bahawa Malaysia mempunyai kekuatan penguatkuasaan perundangan dan banyak disokong dengan tindakan dari pihak kerajaan pusat untuk mengurus sumber pantai. Ia dapat dilihat dengan kewujudan taman-taman laut, kawasan hutan simpan dan pegezonan kawasan penangkapan ikan. Bagaimanapun, penglibatan komuniti secara langsung dalam pengurusan sumber pantai di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah berbanding negara lain seperti Thailand dan Vietnam. Pada tahun 1996 hingga tahun 2000, projek *Integrated Coastal Zone Management (ICZM)* telah dijalankan di Sabah dengan kerjasama antara kerajaan negeri Sabah dan kerajaan Denmark. Kesimpulan daripada projek tersebut mendapati terdapat masalah penggunaan sumber pantai yang tidak lestari di negeri Sabah seperti penggunaan sumber secara berlebihan dan pembuangan sampah yang menyebabkan kemerosotan kualiti dan potensi sumber pantai di negeri ini. Projek ini turut menjelaskan bahawa, kurang kesedaran dan penglibatan komuniti merupakan salah satu faktor yang menjadi pemangkin kepada masalah tersebut selain daripada faktor tahap pengurusan bersepadu yang rendah dan kelemahan penguatkuasaan [12]; [8]. Keseimbangan adalah penting bagi mencapai pengurusan yang sistematik dan efektif. Tindakan dan inisiatif dari pihak berkuasa memerlukan sokongan daripada pihak berkepentingan yang lain terutamanya komuniti pesisir pantai. Jika penglibatan komuniti masih berada pada tahap yang rendah, ini bermaksud peranan mereka dalam pengurusan sumber pesisir pantai masih kurang. Keseimbangan dalam pengurusan juga tidak mungkin tercapai kerana ia hanya melibatkan satu pihak sahaja. Selain itu, tindakan pihak berkuasa akan menjadi kurang efektif kerana motivasi dan pemahaman pada peringkat komuniti masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini akan menyebabkan mereka sewenang-wenangnya melanggar peraturan kerana merasa terkecuali daripada situasi atau isu tersebut. Oleh itu, penyelidikan ini akan membincangkan tentang pengurusan sumber pesisir pantai dan penglibatan komuniti. Berdasarkan permasalahan yang telah dibincangkan, penyelidikan ini menggariskan satu objektif kajian iaitu mengenal pasti tahap penglibatan penduduk dalam pengurusan sumber pesisir pantai di Teluk Mengkabong.


1.2 Lapan Tangga Penglibatan Arnstein:

Penglibatan merupakan satu proses kerjasama [24], pergerakan atau pemindahan manfaat [5]. Penglibatan komuniti boleh dijelaskan melalui dua aspek iaitu melalui tahap penglibatan dan pembahagian kuasa dalam pelaksanaan sesuatu projek [14]. Bagi membincangkan dengan lebih lanjut tentang penglibatan komuniti, kajian ini akan menggunakan teori Lapan Tangga Penglibatan Arnstein bagi membincangkan tahap dan tipologi penglibatan [2]. Dalam teori Arnstein terdapat lapan tangga penglibatan yang melibatkan tiga peringkat yang bermula daripada peringkat 'bukan penglibatan' hingga 'kuasa rakyat' atau penglibatan penuh (Rajah 1.1).

Peringkat 'bukan penglibatan' (*Non-Participation*) merupakan peringkat terendah yang terdiri daripada dua tangga penglibatan iaitu 'manipulasi' dan 'terapi (pembaikan)'. Tangga penglibatan 'manipulasi' merupakan tangga pertama. Dalam tangga penglibatan ini, pihak berkuasa atau pemegang kuasa mempengaruhi komuniti untuk sentiasa menerima dan mengikut pandangan mereka. Komuniti hanya diberitahu tentang sesuatu perbincangan dan tidak ada maklum balas langsung dari komuniti. Tangga penglibatan 'terapi' pula merupakan penyesuaian oleh komuniti terhadap kehendak pihak berkuasa. Peringkat 'bukan penglibatan' (*Non-Participation*) tidak termasuk dalam konteks penglibatan yang sebenar kerana komuniti yang mengikuti sesuatu program bukan berdasarkan dorongan mental, psikologi atau perkara-perkara yang memberi sumbangan kepada program tersebut. Sebaliknya mereka hanya menjadi objek dalam program tersebut.

Seterusnya adalah peringkat '*Tokenisme*'. Penglibatan komuniti yang sebenarnya bermula di peringkat ini di mana, komuniti diberi peluang untuk bersuara dan peluang mendengar. Bagaimanapun suara mereka hanya bertujuan untuk memenuhi syarat dan prosedur. Mereka tidak mempunyai kuasa membuat keputusan. Tangga penglibatan pada peringkat ini adalah penglibatan 'memaklumkan' penglibatan 'perundingan' diikuti tangga kelima penglibatan 'menenangkan'. Pada tangga penglibatan 'memaklumkan' dan penglibatan 'perundingan', ia memberi peluang kepada komuniti untuk mengetahui tindakan yang dibuat dari pihak berkuasa. Penyampaian maklumat merupakan satu bentuk pendekatan bagi mendapat sokongan dari komuniti dalam program-program yang dibuat. Rundingan yang dibuat pula hanyalah untuk menarik minat komuniti bagi mendapat sokongan dan bukan bertujuan untuk mendapat pertimbangan mereka. Manakala, pada tangga penglibatan 'menenangkan', ia memberi peluang kepada komuniti memberi pandangan kepada pihak berkuasa. Namun keputusan masih ditentukan oleh pihak berkuasa. Penglibatan 'menenangkan' bertujuan untuk menampung idea dan pandangan dari komuniti tetapi hanya untuk menyekat atau menghilangkan keresahan mereka.

Peringkat yang terakhir adalah 'kuasa rakyat'. Tangga penglibatan dalam peringkat ini ialah penglibatan 'perkongsian', 'kuasa perwakilan' dan 'kawalan rakyat'. Pada tangga perkongsian, ia membolehkan komuniti berunding dan bertolak ansur dengan pihak berkuasa. Pada tangga penglibatan 'kuasa perwakilan' dan 'kawalan rakyat', komuniti mempunyai kuasa majoriti untuk membuat perancangan dan keputusan. Komuniti sentiasa mempunyai peluang untuk menentukan tahap penglibatan mereka termasuk dalam perancangan dan membuat keputusan. Tangga penglibatan 'kawalan rakyat' adalah tangga tertinggi dan merupakan tahap penglibatan penuh.



Rajah 1.1: Lapan Tangga Penglibatan Arnstein Sumber: [2].

Arnstein menyatakan bahawa tanpa penyebaran kuasa, penglibatan komuniti merupakan perkara yang kosong (*empty ritual*). Komuniti seharusnya mempunyai hubungan atau berhubung pada aktiviti di peringkat tertinggi dalam tangga penglibatan dan bukan hanya tertumpu pada aktiviti di peringkat bawah. Tangga penglibatan ini merupakan garis panduan yang efektif kepada komuniti untuk memilih dan memutuskan sama ada mahu menerima peranan yang disarankan oleh pihak berkuasa yang mengawal atau memilih alternatif lain. Tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai di Teluk Mengkabong akan dianalisis dan klasifikasi berdasarkan Skor Nisbah Lapan Tangga penglibatan Arnstein (Jadual 1.1) [15].

Jadual 1.1: Skor Nisbah Lapan Tangga Tipologi Arnstein.

| Penglibatan | Skor | Skor Tipologi |
|----------------------|---------------|---------------|
| Kawalan Rakyat | 712.5 – 800.0 | 2850 – 3200 |
| Kuasa Perwakilan | 624.9 – 712.4 | 2500 – 2850 |
| Perkongsian | 537.3 – 624.8 | 2150 – 2500 |
| Menenangkan/ Pujukan | 449.7 – 537.2 | 1800 – 2150 |
| Perundingan | 362.1 – 449.6 | 1450 – 1800 |
| Memaklumkan | 274.5 – 362.0 | 1100 – 1450 |
| Terapi | 186.9 – 274.4 | 750 – 1100 |
| Manipulasi | 100.0 – 186.9 | 400 – 700 |

Sumber: [15]

1.3 Metodologi:

Pendekatan penyelidikan kuantitatif digunakan bagi menjawab objektif dalam penyelidikan ini. Pendekatan penyelidikan kuantitatif merupakan pendekatan yang memberi penekanan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data [4]. Bentuk data yang terhasil daripada penyelidikan kuantitatif adalah data berangka atau bernombor [3]. Pendekatan penyelidikan kuantitatif termasuk mengumpul, menganalisis, mentafsir dan menyampaikan maklumat dalam bentuk angka atau kuantiti [23]. Manakala, kaedah yang digunakan untuk mengutip data ialah kaedah tinjauan. Kaedah tinjauan dipilih kerana ia mempunyai beberapa kelebihan berbanding dengan kaedah yang lain. Di mana, ia mampu mengukur pelbagai data yang tidak dapat diamati seperti ciri-ciri, sikap, tingkah-laku, kepercayaan dan sebagainya. Ia sesuai jika melibatkan populasi yang besar selain sifatnya yang tidak mengganggu, menjimatkan masa, tenaga dan kos [1]. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik kerana kajian ini melibatkan populasi yang besar yang terdiri daripada penduduk-penduduk di perkampungan nelayan. Penggunaan borang soal selidik lebih praktikal dan berkesan untuk populasi yang besar [18]. Soalan-soalan dalam borang soal selidik dirujuk dan diubahsuai daripada kajian lepas [15]. Data lapangan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* dengan menggunakan statistik deskriptif untuk menganalisis data. Analisis yang digunakan adalah analisis kekerapan. Lokasi kajian terletak di daerah Tuaran, Sabah. Daerah Tuaran terletak lebih kurang 34 kilometer dari bandar Kota Kinabalu. Ia mempunyai keluasan lebih kurang 450 batu persegi dan mempunyai 212 buah kampung. Skop lokasi kajian tertumpu di Teluk Mengkabong yang terletak di latitud 06006'N hingga

06011'N dan longitud 116008'E hingga 116013'E. Responden terdiri daripada penduduk di perkampungan nelayan iaitu kampung Berungis, Gayang, Buansa, Tembiluk dan Terayung.

1.4 Dapatan Kajian Dan Perbincangan:

Dalam penyelidikan ini, terdapat lima pemboleh ubah yang dilihat dan setiap pemboleh ubah mempunyai lapan item yang mewakili Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Sebelum melihat skor bagi setiap pemboleh ubah, peratusan bagi setiap item akan dilihat terlebih dahulu dengan menggunakan analisis kekerapan. Jumlah skor bagi setiap pemboleh ubah di peroleh dengan mencampurkan kesemua skor lapan item tersebut. Skor keseluruhan akan menunjukkan tipologi dan tahap penglibatan bagi setiap pemboleh ubah. Setelah itu, jumlah skor bagi setiap pemboleh ubah yang di peroleh akan dicampurkan bagi mendapatkan skor keseluruhan. Antara pemboleh ubah penglibatan yang dilihat adalah penglibatan dalam mesyuarat dan perbincangan, penglibatan dalam seminar dan program, keaktifan memberi pendapat dan cadangan, penglibatan dalam penubuhan dan perancangan pelan pengurusan sumber pesisir pantai seterusnya penglibatan dalam meluluskan pelan perancangan pengurusan sumber pesisir pantai.

Jadual 1.2: Skor Penglibatan Dalam Mesyuarat dan Perbincangan.

| PENGLIBATAN DALAM MESYUARAT DAN PERBINCANGAN | N (%) | Pemberat | % N x Pemberat |
|--|------------|----------|----------------|
| Hadir sebagai peserta sahaja | 362 (100%) | 1 | 100 |
| Hadir dengan memberi input untuk kepentingan pada kerajaan sahaja | 0 | 2 | 0 |
| Hadir dengan memberi input untuk kepentingan pada komuniti sahaja | 0 | 3 | 0 |
| Hadir dan mengendalikan dialog dengan pihak pengurusan | 0 | 4 | 0 |
| Hadir dan dapat memberi sedikit pengaruh kepada pengurusan sumber pantai | 0 | 5 | 0 |
| Hadir dan berkongsi tanggungjawab dalam perancangan pengurusan sumber pantai dengan pihak berkepentingan | 0 | 6 | 0 |
| Hadir dan diberi kuasa untuk menjadi wakil komuniti untuk membuat keputusan dalam pengurusan sumber pantai | 0 | 7 | 0 |
| Hadir dan mempunyai kuasa penuh | 0 | 8 | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 100 |

Jadual 1.2 menunjukkan skor penglibatan dalam mesyuarat dan perbincangan mengenai isu sumber pesisir pantai. Jumlah skor keseluruhan adalah 100, di mana ia menunjukkan penglibatan penduduk dalam mesyuarat dan perbincangan merupakan penglibatan manipulasi iaitu tangga pertama dalam Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Kesemua responden pernah hadir dalam mesyuarat atau perbincangan tetapi hanya sebagai peserta sahaja. Mesyuarat dan perbincangan biasanya diadakan secara formal atau tidak formal di peringkat kampung.

Jadual 1.3: Skor Penglibatan Dalam Seminar dan Program.

| PENGLIBATAN DALAM SEMINAR DAN PROGRAM | N (%) | Pemberat | % N x Pemberat |
|--|------------|----------|----------------|
| Hadir sebagai peserta sahaja | 362 (100%) | 1 | 100 |
| Hadir dengan memberi input untuk kepentingan pada kerajaan sahaja | 0 | 2 | 0 |
| Hadir dengan memberi input untuk kepentingan pada komuniti sahaja | 0 | 3 | 0 |
| Hadir dan mengendalikan dialog dengan pihak pengurusan | 0 | 4 | 0 |
| Hadir dan dapat memberi sedikit pengaruh kepada pengurusan sumber pantai | 0 | 5 | 0 |
| Hadir dan berkongsi tanggungjawab dalam perancangan pengurusan sumber pantai dengan pihak berkepentingan | 0 | 6 | 0 |
| Hadir dan diberi kuasa untuk menjadi wakil komuniti untuk membuat keputusan dalam pengurusan sumber pantai | 0 | 7 | 0 |
| Hadir dan mempunyai kuasa penuh | 0 | 8 | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 100 |

Jadual 1.3 menunjukkan skor penglibatan penduduk di Teluk Mengkabong dalam seminar dan program. Jumlah skor keseluruhan adalah 100, di mana ia merupakan penglibatan manipulasi iaitu tangga pertama dalam Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua responden pernah menghadiri seminar atau program yang pernah dianjurkan. Antara seminar dan program berkaitan yang pernah diadakan ialah *Tuaran Public Participation & Awareness Committee (TPPAC)* yang diadakan pada 29 Julai 1999. Seminar ini bertujuan untuk mewujudkan rangkaian dan kumpulan kerja untuk merancang dan melaksanakan projek *Integrated Coastal Zone Management (ICZM)* di peringkat daerah. Selain itu, *Mengkabong Bay Cleaning-Up Programme* juga telah diadakan pada 3 oktober 1999 yang dianjurkan oleh Jabatan Perancangan Bandar. Secara umumnya, program ini merupakan program membersihkan sampah sarap di kawasan perkampungan Teluk Mengkabong. Selain itu, terdapat juga pameran yang diadakan bagi membincangkan isu-isu yang terdapat di daerah Tuaran seperti *Exhibition and Public Forum on ELP Project* yang diadakan pada 28

dan 29 September 2002. Ia merupakan pameran pertama dan pameran kedua diadakan pada tahun 2003. Lebih daripada 665 orang mengunjungi pameran pertama. Antara isu yang dibincangkan dalam pameran ini adalah isu pemuliharaan hutan bakau di daerah Tuaran. Pameran kedua iaitu *2nd & Final Exhibition on the proposed Tuaran District Plan* diadakan pada 13 dan 14 Mac 2003 di Dewan Bersatu Tuaran. Seramai 800 penduduk tempatan, pemimpin komuniti, pegawai kerajaan dan badan bukan kerajaan hadir dalam pameran kedua ini.

Jadual 1.4: Skor Keaktifan Memberi Pendapat dan Cadangan

| KEAKTIFAN MEMBERI PENDAPAT DAN CADANGAN | N (%) | Pemberat | % N x Pemberat |
|--|-----------|----------|----------------|
| Tidak pernah memberi pendapat dan cadangan | 301 (83%) | 1 | 83 |
| Memberi pendapat dan cadangan untuk kepentingan kerajaan sahaja | 0 | 2 | 0 |
| Memberi pendapat dan cadangan untuk kepentingan komuniti sahaja | 0 | 3 | 0 |
| Memberi pendapat di dalam perbincangan dan dialog dua hala dengan pihak pengurusan | 22 (6%) | 4 | 24 |
| Mendapat maklum balas daripada pendapat dan cadangan yang diberikan | 39 (11%) | 5 | 55 |
| Memberi pendapat dan kepentingan bersama dicapai | 0 | 6 | 0 |
| Memberi pendapat dan mempunyai kuasa membuat perancangan | 0 | 7 | 0 |
| Memberi pendapat dan mempunyai kuasa penuh | 0 | 8 | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 162 |

Jadual 1.4 menunjukkan skor bagi keaktifan memberi pendapat dan cadangan. Jumlah skor keseluruhan adalah 162 atau penglibatan manipulasi iaitu tangga pertama dalam Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden tidak pernah memberi pendapat atau cadangan mengenai isu sumber pesisir pantai iaitu seramai 301 orang atau 83 peratus daripada jumlah keseluruhan. Manakala seramai 39 orang atau 11 peratus 'mendapat maklum balas daripada pendapat dan cadangan yang diberikan'. Bagi responden yang pernah 'memberi pendapat di dalam perbincangan dan dialog dua hala dengan pihak pengurusan' seramai 22 orang atau 6 peratus daripada jumlah keseluruhan. Peluang untuk memberikan pendapat dan cadangan dapat dilihat dalam beberapa program yang dianjurkan seperti dalam program *Exhibition and Public Forum on ELP Project* yang diadakan pada 28 dan 29 September 2002. Di mana, program ini memberi peluang kepada komuniti untuk mengemukakan pendapat dan membuat ulasan mengenai isu-isu yang dibincangkan dalam program tersebut. Lebih daripada 665 orang mengunjungi pameran pertama dan seramai 146 telah mengemukakan ulasan. Ulasan-ulasan tersebut telah disusun mengikut kategori iaitu perancangan dan pengurusan kegunaan tanah, sumber-sumber asli dan alam sekitar, pelancongan, rekreasi dan masa lapang, pencemaran alam sekitar, infrastruktur dan kemudahan awam, sikap, kesedaran dan sokongan pihak awam, perkara-perkara teknikal dan ulasan-ulasan lain. Ulasan dan cadangan dari penduduk disampaikan melalui e-mel dan borang dalam talian kepada pihak pengurusan.

Jadual 1.5: Skor Penglibatan Dalam Penubuhan dan Perancangan Pelan Pengurusan Sumber Pantai

| PENGLIBATAN DALAM PENUBUHAN DAN PERANCANGAN PELAN PENGURUSAN SUMBER PESISIR PANTAI | N (%) | Pemberat | % N x Pemberat |
|---|-----------|----------|----------------|
| Tiada penglibatan dalam perancangan pelan pengurusan | 229 (63%) | 1 | 63 |
| Terlibat dalam membuat perancangan pelan pengurusan yang mempunyai kepentingan pada kerajaan sahaja | 57 (16%) | 2 | 32 |
| Terlibat dalam membuat perancangan pelan pengurusan yang mempunyai kepentingan pada komuniti | 25 (7%) | 3 | 21 |
| Mengikuti perbincangan dan dialog untuk membentuk perancangan pelan pengurusan | 51 (14%) | 4 | 56 |
| Terlibat dalam perancangan pelan pengurusan dan mempunyai pengaruh ke atas perancangan pelan pengurusan tersebut | 0 | 5 | 0 |
| Terlibat dalam perancangan pelan pengurusan dan mempunyai perkongsian tanggungjawab bersama dengan pihak pengurusan | 0 | 6 | 0 |
| Terlibat dalam perancangan pelan pengurusan dan mempunyai kuasa dominan untuk membuat keputusan | 0 | 7 | 0 |
| Terlibat dalam perancangan pelan pengurusan dan mempunyai kuasa penuh | 0 | 8 | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 172 |

Jadual 1.5 menunjukkan skor penglibatan dalam penubuhan perancangan pelan pengurusan sumber pantai. Antara contoh program yang berkaitan adalah *Tuaran Public Participation & Awareness Committee (TPPAC)* yang diadakan pada 29 Julai 1999 bagi mewujudkan rangkaian dan kumpulan kerja serta memberi peluang penduduk merancang dan melaksanakan projek *Intergated Coastal Zone Management (ICZM)* di daerah Tuaran. Selain itu dalam *Exhibition and Public Forum on ELP Project* juga memberi peluang komuniti untuk membantu pihak perancang untuk merancang pembangunan di daerah Tuaran termasuklah dalam pembangunan sumber pantai. Skor keseluruhan pemboleh ubah ini adalah 172 iaitu penglibatan manipulasi atau tangga pertama dalam Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden 'tiada

penglibatan dalam perancangan pelan pengurusan' iaitu seramai 229 orang atau 63 peratus. Diikuti 'penglibatan dalam membuat perancangan pelan pengurusan yang mempunyai kepentingan pada kerajaan sahaja' iaitu seramai 57 orang atau 16 peratus. Seramai 51 orang atau 14 peratus pernah 'mengikuti perbincangan dan dialog untuk membentuk perancangan pelan pengurusan'. Manakala responden yang pernah 'terlibat dalam membuat perancangan pelan pengurusan yang mempunyai kepentingan pada komuniti sahaja' adalah seramai 25 orang atau 7 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Jadual 1.6: Penglibatan Dalam Meluluskan Pelan Perancangan Pengurusan Sumber Pantai.

| PENGLIBATAN DALAM MELULUSKAN PELAN PERANCANGAN PENGURUSAN SUMBER PANTAI | N (%) | Pemberat | % N x Pemberat |
|---|------------|----------|----------------|
| Tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan pelan perancangan pengurusan | 362 (100%) | 1 | 100 |
| Memberikan persetujuan atau kelulusan berdasarkan kepentingan kerajaan | 0 | 2 | 0 |
| Memberikan persetujuan atau kelulusan berdasarkan kepentingan komuniti | 0 | 3 | 0 |
| Memberikan persetujuan atau kelulusan kerana mempunyai dialog dua hala dengan pihak pengurusan | 0 | 4 | 0 |
| Memberi persetujuan atau kelulusan kerana cadangan diambil kira | 0 | 5 | 0 |
| Memberikan persetujuan atau kelulusan kerana terdapat kepentingan bersama dengan pihak pengurusan | 0 | 6 | 0 |
| Memberikan persetujuan atau kelulusan kerana diberikan kuasa dominan untuk membuat keputusan | 0 | 7 | 0 |
| Memberi persetujuan atau kelulusan setelah diberi kuasa penuh | 0 | 8 | 0 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | 100 |

Jadual 1.6 menunjukkan skor penglibatan dalam meluluskan pelan perancangan pengurusan sumber pantai. Skor keseluruhan dalam pemboleh ubah ini adalah 100 iaitu penglibatan manipulasi atau tangga pertama dalam Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Dapatan kajian menunjukkan kesemua responden tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan pelan perancangan pengurusan.

Jadual 1.7: Jumlah Keseluruhan Skor Tipologi.

| No | PEMBOLEHUBAH | SKOR PEMBOLEHUBAH | TIPOLOGI |
|----|--|-------------------|-------------------|
| 1. | Penglibatan Dalam Mesyuarat Dan Perbincangan | 100 | Manipulasi |
| 2. | Penglibatan Dalam Seminar dan Program | 100 | Manipulasi |
| 3. | Keaktifan Memberi Pendapat Dan Cadangan | 162 | Manipulasi |
| 4. | Penglibatan Dalam Penubuhan Dan Perancangan Pelan Pengurusan Sumber Pantai | 172 | Manipulasi |
| 5. | Penglibatan Dalam Meluluskan Pelan Perancangan Pengurusan Sumber Pantai | 100 | Manipulasi |
| | JUMLAH KESELURUHAN SKOR TIPOLOGI | 634 | MANIPULASI |

Jadual 1.7 menunjukkan jumlah keseluruhan skor tipologi bagi penglibatan penduduk di Teluk Mengkabong, Tuaran dalam pengurusan sumber pesisir pantai. Kesimpulan keseluruhan tahap penglibatan penduduk dalam pengurusan sumber pesisir pantai dapat diketahui dengan mencampurkan kesemua skor pemboleh ubah. Jumlah keseluruhan skor tipologi adalah 634 di mana ia merupakan penglibatan Manipulasi dalam Lapan Tangga Penglibatan Arnstein. Jika dilihat, penglibatan manipulasi merupakan peringkat 'bukan penglibatan' (*Non-Participation*) iaitu peringkat terendah. Dalam tangga penglibatan ini, pihak berkuasa atau pemegang kuasa mempengaruhi komuniti untuk sentiasa menerima dan mengikut pandangan mereka. Komuniti hanya diberitahu tentang sesuatu perbincangan dan tidak ada maklum balas langsung dari komuniti tersebut. Penglibatan komuniti pada tahap ini digambarkan sebagai kelompok yang hanya menurut perintah, tidak memahami tujuan penglibatan, bersikap pasif dan tiada matlamat yang jelas [13]. Selain itu, kebergantungan komuniti kepada pihak berkuasa dapat dilihat dengan jelas pada peringkat ini. Kebergantungan kepada pihak berkuasa akan membentuk sikap tidak peduli dalam diri komuniti tersebut [17]. Dalam hal ini, pendidikan alam sekitar merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan kerana pendidikan memainkan peranan yang besar untuk mempengaruhi persepsi, sikap dan kesedaran komuniti terhadap sumber pesisir pantai. Apabila pendidikan alam sekitar dipraktikkan, ia lebih mudah untuk kita memperoleh pengetahuan dan lebih mudah membentuk tingkah laku serta sikap positif terhadap alam sekitar [10]. Selain itu, pendidikan mengenai alam sekitar mampu membantu komuniti mendapatkan maklumat dan menjadikan mereka lebih sensitif terhadap persekitaran seterusnya mengubah persepsi dan meningkatkan kesedaran mereka [21]. Manakala pemerksaan pula mempengaruhi penglibatan dan kuasa komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai. Pada asasnya, pemerksaan mempunyai perkaitan dengan pengetahuan komuniti dan penglibatan mereka. Pemberian kuasa bertujuan untuk meningkatkan keupayaan individu, kumpulan, organisasi atau komuniti berdasarkan beberapa proses. Pertama, menganalisis persekitaran mereka. Kedua, mengenal pasti masalah, keperluan, isu dan peluang. Ketiga, merangka strategi untuk menangani masalah, isu-isu dan merebut peluang. Keempat, membentuk pelan tindakan. Kelima, menggunakan sumber yang berkesan dalam pelaksanaan, memantau dan menilai pelan

tindakan. Keenam, menerima maklum balas [6]. Penglibatan dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman terdiri daripada keyakinan diri, sosial, jantina dan sebagainya. Manakala, salah satu faktor luaran yang banyak mempengaruhi penglibatan komuniti adalah campur tangan pihak berkepentingan lain seperti badan bukan kerajaan. Campur tangan pihak badan bukan kerajaan mampu menjadi pemangkin dalam meningkatkan pengetahuan dan keupayaan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai di Teluk Mengkabong. Ini kerana, badan-badan bukan kerajaan seperti *World Wide Fund for Nature (WWF)* mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

1.5 Rumusan:

Secara keseluruhannya, tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan sumber pesisir pantai di Teluk Mengkabong masih berada pada tahap yang rendah. Oleh itu, beberapa perkara perlu dititik beratkan seperti meningkatkan pengetahuan dan keupayaan mereka dalam pengurusan. Dalam masa yang sama, campur tangan pihak badan bukan kerajaan juga perlu ada bagi membantu komuniti di Teluk Mengkabong. Dalam membincangkan penglibatan dalam pengurusan sumber pesisir pantai, inisiatif untuk mengurangkan tekanan sumber sedia ada juga perlu dilakukan. Ia bertujuan untuk memastikan sumber yang ada dapat memberi manfaat kepada komuniti dan dalam masa yang sama impak pembangunan dapat diminimumkan.

REFERENCES

- [1] Anol Bhattacharjee, 2012. *Social Science Research: Principles, Methods, and Practices*. University of South Florida Tampa, Florida, USA abhatt@usf.edu.
- [2] Arnstein, S., 1969. A Ladder Of Citizen Participation. *Journal of the American Planning Association*, 35(4): 216-224.
- [3] Charles, C. M. & Mertler, C. A. 2002. *Introduction To Educational Research (4th ed)*. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- [4] Chua Yan Piaw, 2006. *Kaedah Penyelidikan Statistik, Buku Satu*. Malaysia: Mc Graw Hill Education, Malaysia.
- [5] Cornwall, A. and V.S. Coelho, 2006. *Spaces For Change? The Politics Of Citizen Participation In New Democratic Arenas*. London: Zed.
- [6] Czuba, C.E., 1999. Empowerment: What Is It?. *Journal of Extension*, 37(5).
- [7] Dahuri, R., J. Rais S.P. Ginting M.J. Sitepu, (cet. 2), 2001. *Pengelolaan Sumberdaya Wilayah Pesisir dan Lautan Secara Terpadu*. PT. Pradnya Paramita, Jakarta, Indonesia.
- [8] Eleanor Wong (nd). *Public Participation In Environmental Planning And The Preparation Process Of Local Plans*. Town & Regional Planning Department, Sabah.
- [9] FAO, 2000a. *FAO Technical Guidelines For Responsible Fisheries*. No. 4, Fisheries Management. Fishery Resources Division and Fishery Policy and Planning Division, FAO, Rome.
- [10] Farmer, J., D. Knapp, G.M. Benton, 2007. An Elementary School Environmental Education Field Trip: Long-Term Effecton Ecological And Environmental Knowledge And Attitudedevelopment. *J Environ Educ*, 38(3): 33-42
- [11] Garis Panduan Dan Piawai Perancangan, Kawasan Pantai, 2000. *Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Malaysia*.
- [12] Gorm Jeppesen, 1997. Overview Of The Intergrated Coastal Zone Management (ICZM) Project. *Proceedings Of The Sandakan Integrated Coastal Zone Management (SDICZM)*, 7-8.
- [13] Haidar, R.T., A.R. Ahmad Fareed, M. dan Jamsiah, 2010. Participation And Empowerment: Determining The Healthcare Organization's Success. *Journal of Community Health*, 16(1): 4.
- [14] Haslina Hashim dan Regina Garai Abdullah, 2009. *Penglibatan Komuniti Dalam Program Pembangunan Luar Bandar: Kajian Kes Di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak*. *Akademika*, 77: 41-67.
- [15] Heru Tjahjono, Mohammad Bisri, Soemarno dan Eko Ganis, 2014. Public Participation Towards The Formulation Of Environment-Frendly City Policy In Tulunggung. *International Journal of Applied Sociology*, 4 (3): 74-81.
- [16] *Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan*, 2010. *Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) Kawasan Pesisiran Pantai*.
- [17] McDonald, L.M., B. Sparks, I.A. Glendon, 2010. Stakeholder Reactions To Company Crisis Communication And Causes. *Public RelationsReview*. 36(3): 263-271.
- [18] Mohd. Majid Konting, 2004. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka. Nopparat Nasuchon, 2009. *Coastal Management and Community Management in Malaysia, Vietnam, Cambodia and Thailand with a Case Study of Thai Fisheries Management*. Division For Ocean Affairs And The Law Of The Sea Office Of Legal Affairs, The United Nations New York.

- [19] Nor Hayati sa'at, 2010. Achieving Social Mobility Among The Coastal Community In Kuala Terengganu, Critical Transitions: Repositioning The State, Market and Society. Universiti Sains Malaysia (USM).
- [20] Ozaner, F.S., 2004. Turkey, Out Of School Environmental Education Is And What Should Be Done?. National Ecology and Environment Congress, 5-8 Oct. 2004 Taksim International Abant Palace AbantIzzet Baysal University, and Biologists Association, Abant-Bolu. Proceedings Association of Biologists, London, Nature and Environment, 67-98.
- [21] Robert Kay dan Jacqueline Alder, 2005. Coastal Planning And Management (Second Edition). Taylor & Francis Group London And New York.
- [22] Teddlie, C.B., A. Tashakkori, 2009. Foundations Of Mixed Methods Research: Intergrating Quantitative and Qualitative Approaches in The Social And Behavioral Sciences. Thousand Oaks, CA: Sage.
- [23] Tosun, C., 2000. Limits To Community Participation In The Tourism Development Process In Developing Countries. *Tourism Management*, 21: 613-633.